

1981

TAIF, 17 JAN. (BERNAMA) — MALAYSIA AKAN MENDESAK NEGARA-NEGARA ARAB YANG KAYA DENGAN MINYAK MEMBERIKAN PERLIBATAN YANG JELAS UNTUK MEMBANTU PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA-NEGARA ISLAM YANG "KURANG BERNASIB" YANG DIWAKILI DALAM PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) YANG MEMPUNYAI 42 BUAH NEGARA-NEGARA AHLI. ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA INI AKAN MERUPAKAN PEGANGAN YANG AKAN DIAMBIL OLEH MALAYSIA DI SIDANG KEMUNCAK ISLAM KETIGA YANG AKAN BERMULA DI BANDAR SUCI MEKAH, KIRA-KIRA 80 KM DARI SINI, PADA 25 JAN.

PEGANGAN ITU BUKAN SAHAJA SEJAJAR DENGAN KEDUDUKAN NEGARA ITU DI PERSIDANGAN-PERSIDANGAN MASA LALU, TETAPI JUGA DIFIKIRKAN CARA YANG TERBAIK UNTUK MENYEDARI OBJEKTIF MENGUKUHKAN PERPADUAN UMMAH YANG BANYAK DIPERKATAKAN.

KEBANYAKAN NEGARA-NEGARA AHLI BUKAN ARAB DI AFRIKA DAN ASIA, YANG MEMPUNYAI PANDANGAN YANG SAMA, BERPENDAPAT WALAUPUN KONSEP "MEMBANTU UMMAT ISLAM" ITU TELAH DITERIMA SEMASA PERSIDANGAN-PERSIDANGAN LALU, TIDAK BANYAK YANG DICAPAI DALAM ASPEK ITU SETAKAT INI.

—BERSAMBUNG 1944/AN

B600:

BANTU-OIC 2 TAIF

KEPERLUAN ITU DIRASAI LEBIH MENDESAK MEMANDANGKAN KENGGANAN NEGARA-NEGARA PERUSAHAAN BARAT PADA UMUMNYA UNTUK MENYUMBANGKAN BAHAGIAN MEREKA BAGI MENYEDARI SUSUNAN EKONOMI BARU DUNIA.

DALAM HUBUNGAN INI, NEGARA-NEGARA ANGGOTA OIC YANG MEMPUNYAI BERBAGAI SUMBER ASLI SEPERTI MINYAK PETROL, BARANGAN PERTANIAN, KEMAHIRAN TEKNOLOGI DAN TENAGA BURUH YANG BANYAK, BOLEH MENJADI KUASA YANG PERLU DIKTIRAF JIKA MEREKA DAPAT MENGADAKAN SATU FORMULA UNTUK MEMECAHKAN MONOPOLI EKONOMI BARAT MENENTUKAN BENTUK EKONOMI DUNIA.

BAGAIMANAPUN, SEBELUM INI BOLEH DIWUJUDKAN, SATU PENDEKATAN +ANTARA-MASYARAKAT+ PERLU DIUSAHAKAN.

+NEGARA-NEGARA ARAB YANG KAYA DENGAN MINYAK HENDAKLAH DIBERITAHU SUPAYA MENGUBAH SIKAP SEKARANG DAN BERBALIK KEPADA SEMANGAT SEBENAR PERSAUDARAAN ISLAM.+

INI BERMAKNA MEREKA MESTI MEMPUNYAI SEMANGAT POLITIK YANG LEBIH KUAT UNTUK MENIKMATI BERSAMA KEKAYAAN MINYAK MEREKA YANG BESAR BAGI MENAIKKAN TARAF SOSIO-EKONOMI NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG KURANG BERNASIB BAIK, + KATA SEORANG PEMERHATI.

— BERSAMBUNG 20009/AZ

B610:

BANTU-OIC 3 TAIF

SUMBER-SUMBER PERSIDANGAN MENJELASKAN BAHAWA SEBAHAGIAN BESAR KEKAYAAN MINYAK ASIA BARAT MENGALIR KE JEPUN, HONG KONG, TAIWAN, KOREA DAN SINGAPURA MELALUI PERDAGANGAN, TIDAK KEPADA MALAYSIA ATAU INDONESIA YANG MEMPUNYAI PENDUDUK ISLAM SERAMAI LEBIH DARI 150 JUTA ORANG, SATU ANGKA YANG MELEBIHI JUMLAH UMAT ISLAM DI SELURUH NEGARA-NEGARA ARAB JIKA DISATUKAN.

MALAYSIA BERPENDAPAT NEGARA-NEGARA ASIA BARAT MESTI MENGETUAI USAHA MEMBETULKAN KEADAAN INI JIKA INGIN MENGIKUTI SEMANGAT JIHAD YANG SEBENAR.

MALAYSIA PERCAYA KERJASAMA EKONOMI YANG LEBIH JELAS PATUT DIUSAHAKAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA AHLI OIC DEMI KEPENTINGAN PERPADUAN ISLAM.

5

KEDUDUKAN MALAYSIA MENGENAI HAL ITU DIJANGKA AKAN DIKEMUKAKAN
OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED,
DALAM UCAPANNYA DI SIDANG KEMUNCAK SELAMA EMPAT HARI ITU. 213
DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG AKAN MENGETUAI PERWAKILAN MALAYSIA
SERAMAI 23 ORANG, JUGA MUNGKIN MENYENTUH PERLUNYA DIADAKAN
PEMUSINGAN DOLAR PETROL ASIA BARAT UNTUK PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI
NEGARA-NEGARA AHLI. — BERSAMBUNG 2015/A1

BANTU-OIC 4 TAIF

INI AKAN MEMERLUKAN PEMINDAHAN SECARA-BESAR-BESARAN LEBIHAN
MINYAK ASIA BARAT YANG BANYAK YANG KINI TERSIMPAN DI BANK-BANK DI
AMERIKA SYARIKAT, BRITAIN DAN LAIN-LAIN NEGARA MAJU. — BERNAMA
2015/A1